

KEARIFAN TEMPATAN DALAM SENI BINA RUMAH TRADISIONAL MELAYU: WARISAN BERNILAI YANG DILUPAKAN

Local Wisdom in the Traditional Malay House Architecture: The Forgotten Valuable Heritage

Mashitah Sulaiman ^{(a)1} *, Mohd Nazir Ahmad ^{(b)2}, Anita Ismail ^{(c)3}

*Corresponding author

^{a 1} * Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. mashitah@usim.edu.my.

^{b 2} Fakulti Pengajian Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana, Shah Alam, Selangor, Malaysia, mnazir794@uitm.edu.my

^{c 3} Pusat Pengajian Teras, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia. anita@usim.edu.my.

Abstrak

Seni bina rumah tradisional Melayu merupakan manifestasi ketinggian dan kehalusan seni dalam falsafah pemikiran kearifan tempatan yang sentiasa berkembang di bawah pengaruh tradisi, aktiviti sosio-budaya, dan perilaku masyarakat. Namun begitu, sekiranya tiada usaha untuk menghidupkannya semula, sudah pasti khazanah ini semakin dilupakan dan akan pupus ditelan zaman. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan mengkaji kearifan tempatan dalam warisan seni bina rumah tradisional masyarakat Melayu. Kajian juga meneliti falsafah dan pandangan semesta dalam seni bina Melayu tradisional yang dipengaruhi pelbagai faktor. Selain itu, kajian ini juga menganalisis struktur dan reka bentuk pembinaan rumah tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia dan fungsi ruang dalam seni bina rumah tradisional Melayu bersesuaian dengan objektif dan kedudukan sosial pemilik kediaman dalam mengekalkan warisan pembinaan rumah tradisional Melayu turut dianalisis. Kajian ini pada

asasnya menggunakan pendekatan kaedah penyelidikan kualitatif. Data dikumpulkan melalui kajian perpustakaan dan temuramah bersama pakar seni bina rumah tradisional Melayu Malaysia. Hasil kajian mendapati bahawa masyarakat Melayu mempunyai falsafah seni bina tersendiri dalam membina rumah tradisional Melayu. Reka bentuk rumah tradisional di Semenanjung Malaysia juga telah mengalami perubahan yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor, antaranya transformasi elemen budaya tempatan dan falsafah keislaman. Struktur dan fungsi ruang rumah tradisional Melayu sangat unik dan mempunyai banyak perbezaan antara satu negeri dengan negeri lain di Semenanjung Malaysia. Dapatan kajian menyumbang kepada ilmu pengetahuan dalam bidang warisan seni bina rumah tradisional Melayu dan kearifan tempatan yang semakin terpinggir dalam arus kemajuan dan pemodenan.

Kata kunci: Kearifan tempatan, warisan, seni bina, rumah tradisional, masyarakat Melayu

Abstract

Traditional Malay house architecture reflects the high quality and refinement of local wisdom in the Malay mind philosophy, which is continually growing under the impact of traditions, socio-cultural activities, and social behavior. However, if no effort is taken to rejuvenate it, this national heritage would be lost, forgotten and vanish with time. Thus, the goal of this research is to explore the local wisdom in the architectural heritage of traditional Malay houses. The study also analyses the philosophy and worldview of traditional Malay architecture, some of which were influenced by various factors. In addition, the structure, and designs of traditional Malay house construction in Peninsular Malaysia are analysed. The function of spaces in traditional Malay house architecture that are attributed to the purposes and social position of the house's owner in preserving the legacy of Malay houses was also investigated. This research primarily employs a qualitative research methodology. Data was collected through library research and interviews with experts in traditional Malay house architecture. The findings revealed that the Malay community has a distinctive architectural

perspective when it comes to designing a typical Malay home. Traditional house designs in Peninsular Malaysia have been changed as a result of various of factors, including the transformation of local culture and Islamic philosophy. The structure and functions of a traditional Malay house are unique, and they differ greatly from one state to another in Peninsular Malaysia. The findings contribute to the body of knowledge in the field of national architectural heritage and local wisdom of traditional Malay houses, which have been marginalised by urbanization and modernization.

Keywords: Local wisdom, heritage, architecture, traditional houses, the Malays

PENGENALAN

Proses pembentukan adat dan budaya dipelopori oleh golongan cerdik pandai dalam masyarakat, yang lazimnya adalah berasaskan kepada keilmuan dan pengetahuan yang tersedia dalam masyarakat. Ilmu pengetahuan ini biasanya berasaskan adunan antara panduan agama, ilmu golongan cerdik pandai dan pengalaman masyarakat dalam menangani setiap permasalahan dalam kehidupan setempat yang dilalui (Muhammad Ammar Harith et al., 2019). Sebagai produk kearifan tempatan dalam pembentukan budaya masyarakat, seni bina rumah tradisional Melayu dikaitkan dengan sifat kreatif masyarakat Melayu serta hubungan mereka yang sangat erat dengan alam sekitar yang tersirat di dalamnya falsafah kehidupan.

Seni bina rumah tradisional Melayu merupakan warisan turun-temurun warisan kebudayaan di Alam Melayu yang perlu dipelihara. Warisan seni bina rumah tradisional ini mempunyai keunikan yang tersendiri di sebalik citra budaya yang tinggi nilainya estetikanya, keindahan reka bentuk dan seni ukir sebagai lambang ketinggian pencapaian budaya tinggi dalam Tamadun Melayu. Di sebalik warisan budaya seni bina rumah yang menjadi kemegahan masyarakat Melayu di rantau ini, pada hari ini kita dipamerkan dengan pelbagai reka bentuk seni bina moden yang tidak menggambarkan identiti nasional dan warisan bangsa yang kita banggakan, jauh sekali untuk mengangkat dan mengekalkan jati diri peradaban bangsa pada kedudukan tinggi disebabkan

faktor kurang pemahaman tentang identiti seni bina nasional (Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim, 2007: 280).

PERMASALAHAN KAJIAN

Apabila melihat senario semasa perkembangan projek-projek perumahan di seluruh Malaysia, boleh dikatakan tiada satu pun konsep perumahan yang mampu menandingi 'sains seni bina tradisional' dengan konsep rumah tradisional Melayu yang sarat dengan kearifan tempatan, nilai estetika, falsafah kemanusiaan dan kelestariaannya yang tinggi. Seni bina moden mempunyai kelemahan dari segi susun-aturnya yang tidak menjaga privasi atau hak penghuninya, bahan binaan yang mempunyai kapasiti terma yang tinggi dan elemen-elemen pada "fasad" atau bahagian hadapan luar bangunan yang tidak responsif kepada iklim di Malaysia dan menampakkan struktur seni binanya yang tidak sesuai berada di sebuah negara beriklim tropika atau zon panas khatulistiwa seperti Malaysia (Mohd Firrdhaus, 2016). Kecelaruhan pentakrifan identiti seni bina tempatan, khususnya seni bina rumah tradisional Melayu perlu dijelaskan melalui pengiktirafan kearifan tempatan dalam pembinaan seni binaan tradisional ini yang mempunyai pelbagai ciri keunikannya (Ar. Mastor Surat, 2012).

Masyarakat Melayu kaya dengan warisan budaya dan adat tradisi yang diwarisi sejak turun-temurun. Antara warisan kebudayaan yang sangat tinggi nilainya ialah kearifan tempatan dalam seni pembinaan rumah tradisional yang memiliki kekayaan nilai estetika dan falsafahnya tersendiri. Namun begitu, falsafah di sebalik warisan budaya Melayu dalam pembinaan rumah Melayu kurang difahami dan semakin terhakis dalam kalangan generasi muda dan masyarakat Melayu kini (Fairuzah, Farahdina, Mujaini, 2019; Kamarul Afizi & Nik Lukman, 2007). Oleh yang demikian, adalah penting untuk dikaji falsafah di sebalik budaya seni bina rumah Melayu tradisional di Alam Melayu umumnya, dan di Semenanjung Malaysia secara khusus.

Pelbagai usaha untuk menerapkan seni bina Melayu ke dalam gaya rupa seni bina moden yang bermula sejak awal tahun 1960-an hingga hingga akhir 1970-an, mempunyai hala tuju yang jelas dan sangat murni. Namun begitu, usaha ini tidak lagi berlaku selepas tahun 1980-an, lantaran ketiadaan garis panduan yang

jelas tentang kualiti keaslian dan keunikan untuk meningkatkan kualiti nilai seni bina Melayu ke dalam bentuk moden sehingga menyebabkan penerapan nilai seni bina Melayu menjadi begitu subjektif (Kamarul Afizi Kosman & Nik Lukman Nik Ibrahim, 2007: 282). Oleh yang demikian, perlu dikenalpasti keunikan struktur dan reka bentuk seni bina rumah Melayu tradisional di Semennanjung Malaysia agar menjadi panduan kepada generasi muda dan masyarakat Melayu kini.

Setiap ruang dalam seni bina rumah tradisional Melayu mempunyai fungsinya yang tersendiri berdasarkan falsafah dan kegunaannya secara praktis dalam masyarakat Melayu mengikut reka bentuk dan tipologi tertentu. Persekitaran rumah Melayu tradisi bermaksud ruang-ruang dan aktiviti yang terdapat di sekitar rumah. Corak penempatan rumah tradisional yang biasanya terdapat di kawasan desa atau perkampungan yang kaya dengan hubungan alam semula jadi dan cara hidup masyarakat Melayu merupakan suatu yang unik untuk difahami dan dihayati. Oleh yang demikian, menjadi keperluan untuk mengkaji fungsi dan peranan setiap ruang rumah tradisional Melayu sebagai suatu nilai ilmu yang tidak ternilai dari segi warisan dan budaya (Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim, 1985: 12-14).

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mencapai objektif berikut, iaitu: Pertama, mengkaji kearifan tempatan dalam warisan seni bina rumah tradisional masyarakat Melayu. Kedua, meneroka falsafah dan pandangan semesta dalam seni bina Melayu tradisional yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Ketiga, menganalisis struktur dan rekabentuk pembinaan rumah tradisional Melayu di Malaysia serta menjelaskan fungsi ruang dalam seni bina rumah tradisional Melayu Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Menurut Polit dan Beck (2004) metodologi merujuk kepada kaedah memperoleh data secara sistematik dan menganalisis data yang diperoleh. Creswell (2003) menggambarkan metodologi sebagai kumpulan kaedah yang koheren yang menyelaraskan satu sama lain dan yang mempunyai keupayaan untuk menyampaikan data

dan penemuan yang akan mencerminkan persoalan kajian dan bersesuaian dengan tujuan penyelidikan.

Kajian ini pada asasnya menggunakan kaedah kualitatif, dengan mengaplikasi pendekatan kajian meneroka atau *exploratory*, melalui kaedah analisis kandungan sumber data sekunder dan temuramah. Ini kerana kajian kualitatif lebih holistik dan seringkali melibatkan pengumpulan data yang kaya (*a rich collection of data*) daripada pelbagai sumber untuk dapat memahami informan secara individu, termasuklah pandangan, perspektif dan sikap manusia (Hossein Nassaji. 2015: 129).

Pada peringkat awal, data kualitatif dikumpulkan melalui kaedah penerokaan menggunakan kaedah temubual bersama pakar dalam bidang seni bina rumah tradisional Melayu dan warisan budaya Melayu, Malaysia dilakukan bagi mengupas isu dan persoalan penting berkaitan seni bina rumah Melayu serta melihat perspektif pandangan mereka berhubung tajuk yang dibincangkan. Temuramah bersama dua orang pakar seni bina rumah tradisional Melayu, iaitu Ar. Dr. Mastor bin Surat dan LAr. Dr. Noor Hayati Ismail, kedua-duanya mempunyai kemahiran dan pengetahuan yang mendalam tentang seni bina rumah tradisional Melayu di Malaysia. Beberapa soalan temuramah secara berstruktur disediakan dalam sesi temuramah tersebut. Medium komunikasi yang digunakan bagi sesi temu ramah ini adalah melalui aplikasi Microsoft Team, dan melakukan perbincangan secara live bersama mereka. Ar. Dr. Mastor bin Surat merupakan seorang pensyarah dan felo kanan di Jabatan Senibina Dan Alam Bina, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Selain itu, iaitu kajian perpustakaan dilakukan dengan merujuk kepada sumber sekunder.

Kerangka Teori

Persoalan utama dalam kesenian adalah mengenai hasil ciptaan kreatif dan kesan keindahannya atau nilai estetikanya kepada masyarakat (Anwar Din, 2007: 69). Persoalan ini dijawab menggunakan teori kesenian yang bersesuaian dalam kajian kebudayaan. Secara praktisnya, teori bermaksud pemikiran logik tentang faktor dan sebab-musabab kenapa dan bagaimana sesuatu perkara boleh berlaku dan boleh wujud seperti sedia ada (Anwar Din, 2007: 69). Dalam menilai aspek kesenian, antara

tujuan teori kesenian adalah untuk: pertama, memberi penjelasan yang logik mengenai karya kreatif dan kesan keindahan serta kesenangan; kedua, memberi makna dengan lebih berkesan; ketiga, membuat khalayak lebih memahami maksudnya; keempat, membentuk penghayatan (apresiasi); kelima, meningkatkan penghargaan; keenam, menjelaskan aspek-aspek yang tersurat dan tersirat; dan ketujuh, membuat generalisasi atau rumusan (Anwar Din, 2007: 69).

Kajian ini menggunakan pendekatan teori kesenian perbandingan dalam meneliti seni bina rumah tradisional Melayu di Malaysia. Menurut Anwar Din (2007), tujuan bandingan adalah untuk menilai mutu, memahami makna dengan lebih mendalam dan menghayati sesebuah karya seni dengan membuat bandingan dengan karya-karya dan elemen seni yang lain. Pendekatan teori perbandingan ini sesuai dijalankan untuk melihat persamaan dan perbezaan antara rumah tradisional Melayu khususnya di antara negeri-negeri di Malaysia.

DAPATAN KAJIAN

Penyelidikan ini mengemukakan empat objektif kajian iaitu: 1) mengkaji kearifan tempatan dalam warisan seni bina rumah tradisional masyarakat Melayu; 2) meneroka falsafah dan pandangan semesta dalam seni bina Melayu tradisional yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor; 3) mengkaji struktur dan rekabentuk pembinaan rumah tradisional Melayu di Malaysia serta fungsi ruang dalam seni bina rumah tradisional Melayu Malaysia.

Kearifan Tempatan dan Seni Bina Rumah Tradisional Melayu

Perbincangan tentang kearifan tempatan (*local wisdom*) telah menjadi tajuk perdebatan dalam kalangan ahli akademik. Terdapat pelbagai takrifan yang diberikan oleh para sarjana, namun didapati tidak ada satu kajian yang dilihat cuba untuk mengelaskan takrifan yang digunakan (Muhammad Yusri, Mohd Anuar, 2020a: 176, 180).

Pentakrifan yang menyeluruh tentang kearifan tempatan dapat dilihat pada tiga penulis nusantara; pertama, Muhammad Din et al. (2017: 1048) dengan mengemukakan unsur '*truth*' atau kebenaran dan '*wise*' atau kebijaksanaan dalam pentakrifannya.

Ia terkait dengan apa yang disebut sebagai hikmah dalam ilmu. Pentakrifan yang dikemukakan adalah seperti berikut:

Local wisdom consists of two words, wisdom and local. The local wisdom can be understood as the ideas of local that are wise, full of wisdom and good value embedded and followed by members of community. The local wisdom is the knowledge and experience related to everyday life, occupations and cultures that has been passed down from generation to generation.

Kedua, Rahimin Affandi (2013: 224) memberikan pentakrifan dengan mengemukakan perbezaan antara kearifan tempatan dengan kepandaian tempatan. Beliau menyatakan bahawa perkataan kearifan berasal daripada kata dasar arif dalam bahasa Arab yang membawa maksud mengetahui secara mendalam tentang sesuatu perkara. Ia juga terkait dengan hikmah atau kebijaksanaan yang terlahir hasil daripada serangkaian keilmuan yang dimiliki oleh seseorang yang kemudiannya menjadi panduan dan amalan dalam masyarakat setempat, ini dibuktikan dengan pentakrifan yang diberi seperti di bawah:

... kearifan tempatan (local wisdom) berbeza dengan kepandaian tempatan (local genius) seperti definisi yang dikemukakan oleh barat. Terminologi ini berasal daripada perkataan 'arif' yang membawa maksud mengetahui secara mendalam tentang sesuatu perkara dan ia melambangkan kebijaksanaan seseorang.

Ketiga, kearifan tempatan dapat difahami sebagai usaha manusia menggunakan daya kognitif (akal budi) dalam memberi respon dan menyatakan sikap terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi dalam masyarakat setempat. Ia disimpulkan dalam pengertian di bawah (Habib Shultan & Prasetiawati, 2016: 231),

"Local wisdom yang disusun secara etimologi, di mana wisdom difahami sebagai kemampuan seseorang dalam menggunakan akan fikirannya dalam bertindak atau bersikap sebagai hasil penilaiannya terhadap sesuatu, objek atau peristiwa yang terjadi. Sebagai sebuah istilah, wisdom sering diertikan sebagai kearifan dan kebijaksanaan".

Muhammad Yusri dan Mohd Anuar, (2020a), merumuskan hirarki kearifan tempatan yang terletak lebih tinggi berbanding kepandaian tempatan dan keilmuan tempatan (Lihat Rajah 1). Kearifan tempatan adalah satu bentuk pemikiran yang tinggi lagi mendalam dan kreatif terhadap sesuatu amalan dan praktikal yang berlaku dalam masyarakat. Ia mengandungi nilai-nilai tersirat dan tersurat. Nilai-nilai tersurat dapat difahami dengan melihat kepada amalan tersebut, namun nilai tersirat perlukan pengamatan yang mendalam bagi menghayati falsafah yang terkandung dibalik perlakuan tersebut. Nilai-nilai yang tersirat adakalanya tidak dapat diketahui dengan hanya melihat secara luaran, malah perlukan panduan dan tunjuk ajar daripada generasi terdahulu. Antara contoh kearifan tempatan yang berlaku dalam masyarakat Islam adalah seperti memandikan jenazah dengan santan seperti yang dipraktikkan oleh masyarakat Bajau di Sabah (Muhammad Yusri dan Mohd Anuar, 2020b: 183).



Rajah 1 Hirarki Keilmuan, Kepandaian dan Kearifan Tempatan
Sumber: Muhammad Yusri dan Mohd Anuar, (2020).

Daripada penjelasan dapat difahami bahawa apabila mengkaitkan kearifan tempatan dalam seni bina rumah tradisional, ia menggambarkan usaha manusia Melayu menggunakan daya kognitif atau akal budi dalam memberi respon dan menyatakan sikap terhadap sesuatu objek atau peristiwa yang terjadi dalam masyarakat setempat berkaitan dengan kesenian dalam membina rumah atau kediaman untuk tujuan perlindungan dan pelbagai fungsi kepada pemiliknya. Seni bina terbit hasil dari pembentukan kemajuan masyarakat Melayu

dalam persekitaran semulajadinya, hasil dari pengalaman hidup dan melambangkan kehidupan masyarakat tersebut (Mastor Surat, 2012: 12).

Tinjauan literatur mendapati bahawa kajian tentang kearifan tempatan Melayu yang telah dilakukan berkisar tentang kehebatan masyarakat dan Tamadun Melayu dalam kearifan tempatan Melayu dalam bidang perkapalan, pertanian, pertukangan, pertanian, dan pengairan, pelayaran, penangkapan ikan pernah dikaji oleh Wan Ramli Wan Daud (1993). Sementara Mat Rofa Ismail (2009) dan juga Mohamad Alinor Kadir (2005) mengenengahkan kearifan Melayu dalam bidang ilmu matematik. Selain itu, dalam bidang teknologi pencelupan dan pewarnaan pernah dikaji oleh Che Husna Azhari (1997). Dalam aspek yang lain, Harun Mat Piah (2016) pernah menyentuh tentang cinta dan perkasihian Melayu dan sebagai suatu kearifan tempatan Melayu. Tinjauan yang dibuat mendapati kurang kajian yang menyentuh tentang ilmu seni bina Melayu sebagai suatu kearifan tempatan Melayu, khususnya yang menyentuh falsafah pemilihan tapak rumah, struktur dan reka bentuk binaan serta fungsi rumah tradisional Melayu. Kecuali satu kajian yang dilakukan oleh Hasrina Baharum & Mariyati Haji Mohd Nor (2016), yang menyingkap ilmu perancangan tapak landskap Melayu dalam karya Melayu.

Seni bina Melayu memiliki makna dan falsafahnya tersendiri mulai dari budaya kearifan lokal yang meliputi kehidupan masyarakat setempat, seperti bermula dari upacara menentukan tapak yang merupakan tahap awal pembukaan tanah untuk membangun rumah, bentuk dan susunan dari ruang dalam bangunan serta luar ruang bangunan, sehingga ke upacara menjaga kampung dan menjaga laut atau melestarikan laut (Boby dan Imbardi, 2018: 6).

Seni bina Melayu merupakan cabang daripada bidang seni yang memerlukan kemahiran tinggi, daya kreativiti dan kerajinan luar biasa di samping daya pengamatan yang tajam dan terperinci. Ia menuntut pengorbanan masa, minat yang mendalam dan tenaga agar menghasilkan karya seni yang bermakna dan bermutu tinggi. Hal ini dibuktikan oleh tukang-tukang Melayu zaman silam dengan penuh gigih dan penghayatan yang tinggi nilainya berjaya mencapai tahap keunggulan dalam pembinaan

reka bentuk istana kesultanan Melayu di rantau ini (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiiulfuad Yahya, 2005: 7).

Penghayatan seni bina Melayu yang tinggi menuntut penerokaan minda pengkarya terhadap pelbagai faktor di persekitarannya. Antara aspek penting dalam seni bina Melayu ialah penilaian dan pengamatan terhadap alam semula jadi, inspirasi yang bersumberkan flora dan fauna, bahan yang diketahui mampu melahirkan kesan tertentu, integrasi kebudayaan, anutan dan kaedah sebagai manifestasi budaya Melayu yang tinggi dan terpenting di rantau ini (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiiulfuad Yahya, 2005: 7).

Pembentukan sesebuah pandangan semesta biasanya dipengaruhi oleh agama atau budaya yang dianuti oleh sesebuah masyarakat. Dalam erti kata lain, apabila seseorang itu bertukar agama, maka perubahan paling mendasar yang dialaminya ialah perubahan pandangan semesta. Justeru, elemen asas ini perlu dipelajari jika ingin memahami tingkahlaku sesebuah masyarakat kerana pemahaman ini sangat berpengaruh dalam membentuk personaliti dan tingkah laku mereka (Solahuddin Abdul Hamid, 2016: 143).

Rumah tradisional merupakan suatu bangunan dengan struktur, cara pembuatan, bentuk dan fungsi serta ragam hias yang memiliki ciri khas tersendiri, yang mengekalkan seni warisan yang diwariskan secara turun-temurun dan dapat digunakan untuk melakukan kegiatan kehidupan oleh penduduk sekitarnya berdasarkan ilmu kearifan tempatan (Abdul Azis Said, 2004: 47). Rumah tradisional dibangun dengan cara yang sama oleh beberapa penduduk terdahulu tanpa atau mengalami perubahan yang sedikit sehingga rumah tradisional terbentuk berdasarkan tradisi yang ada pada masyarakat. Rumah tradisional juga disebut rumah adat atau rumah asli atau rumah rakyat (Abdul Azis Said, 2004: 48).

Falsafah Pembinaan Rumah Tradisional Melayu

Pemerhatian ke atas produk peninggalan masyarakat silam merupakan salah satu pendekatan yang sering digunapakai dalam pentafsiran dan penghasilan sesuatu seni bina. Namun begitu, pendekatan tersebut lebih kepada peniruan gaya dan perwatakan berikutan dari ketidak fahaman tentang falsafah masyarakat,

tempat dan waktu yang menjadi latar kepada pembentukan sesuatu hasil kerja peninggalan tersebut (Mastor Surat, 2012).

Orang Melayu amat menitikberatkan soal mendirikan sebuah rumah yang merupakan tempat tinggal sehingga ke akhir hayat. Daripada proses penentuan dan pemilihan tapak, pembinaan asas, mendirikan struktur utama, membina bumbung, lantai, dinding, bukaan, tangga, sistem sambungan, hiasan sehinggalah ke saat memasuki rumah. Semasa mendirikan rumah pelbagai faktor perlu diambilkira. Daripada pemilihan tapak hinggalah kepada mengenakan perhiasan rumah akan diiringi dengan upacara spiritual keagamaan (Zukifli Hanafi, 1996: 3).

Kajian yang dilakukan oleh Mohd Idris Ahmad (1984) memperincikan falsafah di sebalik penentuan tapak rumah sepertimana dicatatkan dalam kitab *Tajul Muluk*. Antara proses yang dilakukan ialah memilih tapak yang sesuai dengan dipancarkan pancang tanda pada empat penjuru tanah. Upacara yang dilakukan menjelang senja ini disertai oleh bacaan selawat ke atas Nabi Muhammad SAW sambil berniat supaya kediaman rumah diberkati Allah SWT. Kemudian, air bersih diisikan separuh ke dalam botol dan paras air ditandakan, serta mulut botol ditutup rapat. Botol ini kemudiannya ditanam separuh di tengah-tengah kawasan yang dipancarkan. Semasa menanam botol, tukang atau bomoh berniat supaya ditunjukkan baik buruknya tapak tersebut. Pada keesokan harinya, botol itu dilihat kembali. Jika air di dalamnya bertambah, bermakna tapak tersebut sesuai dengan bakal penghuni rumah tersebut (Zukifli Hanafi, 1996: 3-4).

Menurut kitab *Tajul Muluk* seperti yang diterjemahkan oleh Abdul Rahman al-Ahmadi (2000, hlm. 44) terdapat beberapa garis panduan dalam memilih tapak untuk membangunkan rumah kediaman, iaitu seperti yang digariskan antaranya:

Pertama, kedudukan tapak pada arah bumi senget dari timur ke tenggara, selatan, barat daya, barat tepat, dan barat laut adalah tidak baik untuk dijadikan tapak perumahan.

Kedua, kedudukan bumi di arah senget tenggara memberi alamat tersekat mata pencarian.

Ketiga, kedudukan pada arah senget ke selatan pula bermaksud alamat turun harta, kehilangan atau kematian.

Keempat, kedudukan tapak pada arah senget ke barat daya membawa alamat saudara serta kaum keluarga dengki.

Kelima, kedudukan tapak pada arah senget barat tepat alamat diri akan menjadi lembik, lemah dan berkurang temasam (mengubat orang sakit kerana keteguran hantu)(Abdul Rahman, 2000: 44).

Kajian terhadap kitab *Tajul Muluk*, misalnya dipaparkan bagaimana masyarakat Melayu zaman dahulu sangat menitikberatkan maklumat tentang geologi ilmu pemilihan tapak (dalam konteks masyarakat Melayu tradisional istilah ini boleh dikaitkan rupa bentuk susuk muka bumi) seperti “bumi bersurutsurut”, “bumi berlubang-lubang-lubang”, “bumi berpusu-pusu”, “bumi berbukit-bukit”, “bumi bertebing yang bereban-reban”, “bumi berlepas-lepas”, “bumi berlubang-lubang”, dan “bumi bertanjung” dalam inventori tapak sebelum membuat keputusan untuk membangunkan landskap di sesebuah kawasan, selaras dengan prinsip keselamatan dalam Theory of Landscape Aesthetics (Hasrina & Mariyati, 2016: 48). Dalam hal ini karya Melayu tradisional, sebagai contoh *Tajul Muluk* menerangkannya seperti berikut:

“Fasal pada menyatakan jika bumi itu bersurut atau berlubang-lubang atau berpusu-pusu atau berbukit-bukit atau tebing yang bereban-reban atau berlepas-lepas atau berlubang-lubang atau bertanjung-tanjung segala atau sembilan perkara inilah bumi yang amat jahat maka janganlah kita diam di sana alamat akan percitaan atau lagi dukacita dan tiada berkat pada pencarian kita datang kepada anak cucu kita WaLlahua’lam” (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000, hlm. 2).

Penjelasan dalam kitab *Tajul Muluk* di atas memberi suatu garis panduan tentang cara mengenal pasti kesesuaian tapak untuk pembinaan landskap Melayu tradisional. Petikan di atas memberi maklumat bahawa tidak semua bentuk muka bumi sesuai untuk dibangunkan dengan aktiviti landskap dan pembinaan bangunan. Antaranya, tanah bersurut-surut, tanah berlubang-lubang, tanah berpusu-pusu, tanah bertebing-tebing dan bereban-reban, tanah berlepas-lepas dan tanah bertanjung. Secara logiknya, tanah

bersurut-surut mempunyai kaitan dengan pasang surut air di tepi pantai atau kuala sungai. Tanah berlubang-lubang dapat dihubungkan dengan tanah gambut yang tidak padat dan boleh menyebabkan asas bangunan di atasnya (rumah/istana) tidak kuat, mudah roboh, dan mudah terbakar (Hasrina & Mariyati, 2016: 48).

Sementara itu, tanah berpusu-pusu pula tidak baik kerana tanah tersebut mempunyai banyak anai-anai. Tanah bertebing-tebing dan bereban-reban maksudnya tanah berhakisan. Tanah berlepas-lepas ialah tanah berpasir, rua, mudah jerlus, tidak baik untuk asas tiang, tidak dapat menahan berat bangunan. Selain itu, tanah bertanjung, di tepi sungai atau pantai atau tasik biasanya melintang angin menyebabkan bangunan di situ mudah dipukul angin kencang, ribut atau taufan. Sementara tanah bertanjung di tepi sungai biasanya air yang mengalir deras dari hulu menjadi mulih berpusar-pusar di tanjung lalu air menikam tanah dan angin kencang dari arah kuala akan menumbangkan bangunan (Hasrina & Mariyati, 2016: 48).

Suatu perkara yang unik dalam amalan masyarakat tradisional Melayu, ialah masyarakat Melayu zaman dahulu juga membuat tinjauan dan analisa tapak berdasarkan susuk muka bumi yang tinggi atau rendah sesuatu kawasan. Dalam kitab *Tajul Muluk* dinyatakan bahawa kawasan yang berbekat-bekak tinggi rendah boleh menyebabkan anak menderhaka kepada ibu bapa dan hamba sahaya tidak setia kepada tuannya. Sementara kawasan yang mempunyai bentuk “bumi terbabas” pula dipercayai boleh membawa kedukaan kepada penghuninya. “Bumi lembang-lembang” dipercayai boleh mendatangkan bahaya dan kedukaan kepada penghuninya. Hal ini dijelaskan dalam kitab tersebut seperti yang berikut:

“Ada pun tiga perkara yang nahas itu pertama yang berbekat-bekak tinggi rendah barang siapa yang duduk di sana alamat hamba sahayanya dan anak cucunya derhaka kepada ibu bapanya dan lari segala hamba sahaya padahnya. Kedua perkara jika bumi itu terbabas barang siapa diam alamat dukacita padahnya. Ketiga perkara jika bumi itu lembang-lembang itu pun maha nahas tiada harus diam di sana dukacita lagi papa...” (Abdul Rahman Al-Ahmadi, 2000, hlm. 23)


Menurut kitab Melayu lama *Tajul Muluk*, sebelum membina rumah pemilik harus meneliti samada tempat berkenaan bersih dari makhluk halus. Air dalam bekas berisi bunga serta sekeping syiling emas perlu diletakkan di atas tapak rumah. Sekiranya air tersebut berkurangan maka tapak tersebut tidak sesuai dijadikan tapak rumah dan begitulah juga sebaliknya. Sekiranya tapak tersebut sesuai maka tiang seri perlulah dinaikkan dahulu oleh penghuni atau ketua rumah (Mohd. Nazaruddin Yusoff et.al., 2004: 4).

Dalam kehidupan masyarakat Melayu kedudukan lingkaran matahari mempunyai pengaruh dalam menentukan kedudukan rumah atas tapak. Perkara ini dijelaskan dalam *Tajul Muluk* tersebut bahawa adab rumah mesti menghadap matahari jatuh ke barat, iaitu menghadap kiblat, sesuai dengan prinsip Islam. Pemilihan tapak juga mesti berhadapan dengan kawasan yang berair seperti sungai dan laut, selaras dengan ajaran Islam yang mementing konsep “kesucian” dan sesuai berdasarkan keperluan air yang mempunyai pelbagai kegunaan sama ada, untuk memasak, sumber minuman, membersihkan diri serta sebagai suatu jaringan mobiliti atau sistem perhubungan dalam kehidupan mereka. Contoh yang paling jelas dan masih boleh dilihat sehingga ke hari ini ialah kedudukan Istana Besar di negeri Kelantan yang terletak berhampiran dengan sungai. Perkara ini menunjukkan bahawa selain prinsip keselamatan, perancangan landskap Melayu tradisional turut menitikberatkan prinsip keagamaan dalam perancangan landskap mereka (Hasrina dan Mariyati, 2016: 49).

Corak dan ciri-ciri susun-atur ruang persekitaran rumah Melayu diperincikan oleh Zainal (2000), terbahagi kepada ruang hadapan dan ruang belakang. Kebiasaannya rumah tradisional Melayu mempunyai halaman yang luas untuk aktiviti sosial seperti beriadah, mengadakan kenduri-kendara dan memelihara binatang ternakan, serta tempat bermain kanak-kanak dan dijadikan juga tempat menjemur atau menyalai buah-buahan seperti seperti pinang, kelapa dan asam keping (Lim, 1991). Ruang hadapan bermaksud halaman, biasanya tidak berumput, sentiasa kemas dan bersih daripada sampah sarap. Pinggir kawasan

halaman biasanya dihiasi cantik dengan pelbagai jenis tanaman bunga (Siti Norlizaiha dan Azira, 2011: 18).

The External Environment of the Malay House



Rajah 2 Ruang Persekitaran Rumah Tradisional Melayu
 Sumber: Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim, 2011, hlm. 17;
 Lim Jee Yuan. (1991). The Malay House: Rediscovering
 Malaysia's Indigenous Shelter System. Pulau Pinang: Institut
 Masyarakat.

Siti Norlizaiha dan Azira, (2011) menggambarkan di bahagian belakang tapak rumah Melayu sering terdapat kebun sayur-sayuran untuk kegunaan sendiri termasuk ubi kayu, keladi, keledak, pisang, cekur manis, labu, peria, petola dan terung. Di belakang kawasan kebun terdapat kawasan tempat membuang sampah, kawasan bakaran dan juga kawasan kandang haiwan ternakan seperti kambing, lembu dan kerbau. Reban ayam dan itik juga terletak di belakang dan hampir dengan rumah. Berhampiran kawasan kandang haiwan atau di belakang rumah biasanya ditanam pokok buah-buahan seperti durian, langsung, manggis, rambutan, ciku dan kelapa. Di sekeliling rumah terutamanya di bahagian belakang berhampiran dapur ditanam pokok-pokok kelapa yang mempunyai pelbagai

kegunaan. Pokok-pokok ini juga biasanya ditanam di akhir atau penghujung kawasan rumah bagi menandakan sempadan kawasan. Walau bagaimanapun, konsep perkongsian dan kerjasama merupakan prinsip asas dalam budaya Melayu. Budaya Melayu yang tidak mementingkan sempadan peribadi di kawasan luar turut memberi pengaruh ke atas reka bentuk rumah Melayu (Siti Norlizaiha dan Azira, 2011: 17).

Mengikuti kepercayaan masyarakat Melayu dahulu, apabila seorang bayi lahir, sebatang pokok keras seperti Cengal dan Balau akan ditanam di perkarangan rumah. Menurut pakar seni bina dan akademik Universiti Kebangsaan Malaysia, Dr Mastor Surat, sebab pokok itu ditanam adalah supaya terdapat bahan binaan yang sedia ada untuk memperluaskan rumah itu apabila kanak-kanak tersebut dewasa kelak. Dr Mastor Surat turut menyatakan bahawa rumah Melayu tradisional berbentuk modular dengan ruang utama rumah dan dapur, dan anjung yang menyambung kedua-duanya. Apabila kanak-kanak tersebut sudah meningkat dewasa, keluarga tersebut akan menambah ruang untuk menghubungkan ruang utama rumah. Sekiranya terdapat pertambahan lebih ramai anak, maka orang Melayu akan menanam lebih banyak pokok di sekeliling rumah tersebut (Temuramah Bersama Dr Mastor Surat, pada 10 dan 18 Mei 2021; *Berita Media Corp.*, 29 Oktober 2010).


Dari segi kedudukan geografi dan bentuk muka bumi pula kawasan yang hendak dibina rumah atau istana Melayu tersebut dikenal pasti berdekatan dengan sungai dan mempunyai tanah yang berbukit bukau seperti yang dinyatakan dalam *Sulalatus Salatin Sejarah Melayu* berikut ini:

Maka Raja Iskandar Syah pun berjalan balik membaruh, lalu terus kepada sebuah sungai, Bertam namanya; dan kualanya berbukit. Maka baginda pun datanglah ke sana, berhenti di bawah sepohon kayu, terlalu rampak, maka baginda menyuruh berburu; sekonyong-konyong terjun anjing dihambat pelanduk. Titah baginda, “Baik tempat ini diperbuat negeri, anjing alah oleh pelanduk; jikalau orangnya betapa lagi?” Maka sembah segala Orang Besar-besar, “Benarlah seperti titah duli tuanku itu.” Maka disuruh baginda tebas, diperbuat negeri. Maka titah baginda, “Apa nama kayu itu?” Maka sembah orang, “Kayu Melaka

namanya, tuanku,” maka titah Raja Iskandar Syah, “Jika demikian Melakalah nama negeri ini.” Maka kota negeri Melaka pun sudahlah diperbuat orang sekalian, diamlah baginda di Melaka (A. Samad Ahmad, 1979, hlm. 71; Hasrina dan Mariyati, 2016: 53).

Pada umumnya, falsafah seni bina Islam banyak digunapakai dalam membina rumah Melayu tradisional di mana kebanyakan rumah Melayu digunakan sebagai perlambangan kepada konsep kekuasaan Tuhan (Muhamat Hamzah, 2014: 11). Bahagian bawah rumah pada asasnya melambangkan alam barzakh ataupun alam selepas mati kerana kebiasaannya bahagian bawah rumah Melayu ialah tanah. Jadi ia simbolik kepada kembalinya manusia kepada tanah apabila seseorang telah meninggal dunia kelak. Seterusnya, bahagian tengah pula pada kebiasaannya menempatkan ruang tamu, ruang urusan harian yang secara simboliknya menggambarkan konsep kehidupan manusia di dunia (Muhamat Hamzah, 2014: 11).


Konsep Islam diterapkan di dalam rekabentuk dengan membuat orientasi kedudukan rumah secara menghala ke arah Timur-Barat. Ini adalah salah satu identiti orang-orang Melayu yang sangat mementingkan unsur-unsur keagamaan kerana rekabentuk seperti ini akan memudahkan penghuni serta tetamu mengetahui arah kiblat bagi melakukan ibadat solat. Mereka juga memahami bahawa setiap perkara yang baik itu diberi ganjaran oleh Allah SWT walaupun hasilnya tidak seberapa (Mohd. Nazaruddin Yusoff et.al., 2004: 2).



Rajah 3 Struktur Kedudukan Rumah Melayu yang mengadap kiblat.

Selain itu, terdapat keistimewaan terhadap reka bentuk dan kedudukan rumah Melayu yang menghala ke arah timur dan barat yang membolehkan cahaya matahari sampai ke dalam ruang rumah terutamanya sinaran matahari pagi yang memberi manfaat kesihatan kepada tubuh badan manusia. Sebaliknya cahaya matahari petang pula dapat dielakkan kerana dipercayai membawa penyakit kepada tubuh. Selain itu, di dalam rumah Melayu juga terdapat ruang khas yang disediakan kepada tetamu untuk digunakan sebagai tempat istirehat dan menunaikan solat (Mohd. Nazaruddin Yusoff et.al., 2004).

Selain itu, masyarakat Melayu memang prihatin dengan tuntutan Islam yang telah memberi garis panduan untuk umatnya membina rumah, antaranya: i. Rumah yang dibina mencukupi keperluan dan mempunyai bilik yang cukup untuk suami isteri, anak-anak dan tetamu. ii. Memilih tempat dan jiran yang baik bagi memberi ketenangan hidup sesebuah rumah tangga. iii. Menghiasi rumah sesuai dengan kehendak Islam. Selari dengan kehendak Islam, masyarakat Melayu menerapkan kaedah syariat Islam dalam menentukan pembinaan dan proses memasuki rumah baru. Kebiasaannya orang alim atau imam masjid akan dijemput oleh tuan rumah untuk membaca yasin, doa serta mengadakan kenduri kesyukuran (Mohd. Nazaruddin Yusoff et.al., 2004: 3).



Rajah 4 Struktur Asas Rumah Adat Tradisional Melayu.
Sumber: Wan Hashim dan Abdul Halim Nasir. (2014). *The Tradisional Malay House*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan dan Buku Malaysia. p. 4.

Manusia diciptakan menjadi khalifah di bumi dan ditugaskan untuk memakmurkan bumi ini digambarkan melalui ruangan tengah rumah tradisional Melayu. Bahagian akhir yang terdapat dalam rumah tradisional Melayu ialah bahagian atas yang pada kebiasaannya menempatkan loteng. Bahagian atas ini pada kebiasaannya kosong dan ia menggambarkan langit dan juga konsep kekuasaan Allah. Selain itu, Islam juga telah mengubah konsep seni bina rumah Melayu. Selepas kedatangan agama Islam, pembahagian ruang-ruang rumah juga turut mengalami perubahan. Dalam sebuah rumah, ia harus memiliki sekurang-kurangnya tiga bilik bagi menempatkan anak-anak lelaki dan perempuan apabila mereka dewasa kelak. Islam juga menganjurkan konsep ruangan tamu yang mana ia mengelakkan percampuran antara tetamu lelaki dan perempuan dalam satu-satu masa (Muhamat Hamzah, 2014: 11).

Struktur dan Reka Bentuk serta Fungsi Ruang dalam Rumah Tradisional Melayu

Rumah sebagai seni bina Melayu, pada hakikatnya amatlah diutamakan dalam kehidupan masyarakat Melayu (Noor Faizah et al., 2014: 105). Rumah bukan sahaja sebagai tempat tinggal di mana kebanyakan aktiviti kehidupan dilakukan dalamnya, bahkan juga menjadi lambang kesempurnaan hidup bagi orang Melayu. Beberapa ungkapan tradisional Melayu ada menyebutkan hakikat rumah sebagai “cahaya hidup di bumi, tempat beradat berketurunan, tempat berlabuh kaum kerabat, tempat singgah dagang lalu, hutang orang tua kepada anaknya” (Noor Faizah et al., 2014: 106).

Rumah tradisional Melayu merupakan legasi seni pertukangan tradisional Melayu yang unik. Kehalusan seni pertukangan, teknik pembinaan dan pemilihan bahan binaan setempat menghasilkan interaksi bangunan dan alam sekitar

dengan baik, memenuhi keperluan fungsi yang seringkali dihubungkan dengan amalan kebudayaan, agama dan kepercayaan dan adat resam. Reka bentuk yang menggabungkan pertimbangan sedemikian telah menghasilkan ciri binaan yang bukan sahaja sesuai dengan keadaan dan iklim setempat, tetapi juga tahap seni bina yang tinggi nilainya (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiiudfuad Yahaya, 2005: 19).

Seni bina rumah Melayu tradisional dikaitkan dengan sifat kreatif kearifan tempatan masyarakat Melayu serta hubungan mereka yang sangat erat dengan alam sekitar. Pada asasnya reka bentuk rumah adalah mudah dan kelihatan ringkas yang menjadikan rumah tradisional kelihatan hampir sama, akan tetapi unsur dan pengaruh kebudayaan setempat telah mencorakkan dan mempelbagaikan sehingga melahirkan bentuk-bentuknya yang tersendiri dan unik di kawasan dan negeri-negeri tertentu (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiiudfuad Yahaya, 2005: 19).



Rajah 5 Reka Bentuk dan Lukisan terukur Rumah Tradisional Melayu di Semenanjung Malaysia.


Sumber:

<http://buildingconservation.blogspot.com/2007/08/lukisan-terukur-rumah-melayu.html>.

Ciri-ciri unik yang terdapat dalam seni bina rumah tradisional Melayu, bukan sahaja dapat dilihat melalui seni bina ukiran, iaitu pada bahagian-bahagian dan corak-corak ukiran

rumah itu, namun juga terdapat dalam bentuk berbagai upacara, bahan dan nama-namanya, serta kedudukan rumah tersebut. Arus peredaran zaman menyebabkan ciri-ciri tersebut di atas tidak mudah untuk dikekalkan sehingga sekarang. Pelbagai pengaruh budaya juga harus dipertimbangkan. Terlalu banyak nilai-nilai tradisional yang dimiliki oleh suatu masyarakat Melayu telah diabaikan dan hilang disebabkan perbezaan dan perubahan nilai budaya yang terjadi akibat arus masa yang sangat cepat peredarannya. Nilai kebudayaan Melayu umumnya berasaskan aspek yang dominan, iaitu agama Islam, adat dan tradisi Melayu” (Noor Faizah et al., 2014: 106).

Antara ciri-ciri unik rumah tradisional Melayu ialah pembinaannya mengambil kira keselesaan penghuni dengan memastikan sistem pengudaraan yang baik. Rumah tradisional Melayu memastikan laluan angin di bahagian bawah, tengah dan atas struktur rumah. Papan lantai rumah mempunyai sedikit ruang angin. Terdapat juga lubang angin di atas tingkap dan menggunakan bumbung berlapis dan lebar atau bumbung limas. Rumah tradisional Melayu juga amat menitik beratkan unsur mesra alam dan suasana nyaman di dalam rumah yang dibina. Kebiasaannya, haba atau angin panas selalunya bergerak dari arah bawah ke atas. Struktur rumah Melayu yang mempunyai banyak lubang angin, membolehkan haba panas keluar melalui ruang ini. Bumbung rumah yang dibina Sebab tu jugaklah, kalau rumah ada siling tinggi anda akan rasa kurang panas berbanding rumah siling rendah.



Rajah 6 Sistem Pengudaraan dan Kitaran Angin bagi Rumah Tradisional Melayu.



Rajah 7 Reka Bentuk Rumah Melayu Tradisional yang Sesuai dengan Iklim Malaysia.



Rajah 8 Kelebihan Rumah Tradisional Melayu berbanding Moden.

Sumber: *Harian Metro*, 2016.


Seni bina warisan Melayu juga disebut secara amnya sebagai ‘*vernacular tradition*’ yang membawa makna ‘kedaerahan’ atau ‘asli’. Seni bina warisan Melayu telah dibangunkan berdasarkan kepada pengisian nilai-nilai tempatan, bahan binaan tempatan, cuaca, persekitaran, kaedah binaan serta amalan seharian, budaya dan keagamaan (Mastor Surat, Usman, Tahir, Abdul Halim dan Nik Ibrahim, 2009: 22). Seni bina warisan Melayu telah dicipta dan dibangunkan oleh orang Melayu daripada yang mudah sehinggalah kepada yang telah mencapai kesempurnaan; merentasi zaman demi zaman, diwarisi sejak turun-temurun mengikut penyesuaian kepada kehendak, cita rasa, citra budaya dan persekitaran. Reka bentuknya mungkin tidak begitu tersergam atau menonjol sebagaimana senibina modern yang mementingkan kemegahan, namun begitu, reka bentuknya cukup lengkap untuk menggambarkan corak kehidupan dan budaya masyarakat penghuninya (Mastor Surat et al., 2009).

Pada asasnya penjenisan rupa binaan rumah orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu mempunyai persamaan dengan binaan rumah-rumah lama di kedaerahan Indonesia, Brunei, Sabah dan Sarawak, tetapi warisan binaannya adalah berbeza dan mengalami perubahan. Perbezaan tersebut adalah disebabkan oleh perbezaan latar belakang masyarakat yang membangunkan binaan tersebut serta perbezaan latar persekitaran masing-masing di ketika itu. Pemahaman ke atas sesuatu senibina, latar

persekitaran dan masyarakat yang membangunkannya begitu penting kerana ia ada berkaitan dengan kenyataan-kenyataan yang telah dikeluarkan oleh ramai ahli sosiologi dan ahli sejarah mengenai pengertian dan pembangunan seni bina (Mastor Surat, et. al., 2009: 19).

Menurut Zulkifli Hanafi (1996), rumah tradisional Melayu direkabentuk berdasarkan keperluan ruang, budaya, adaptasi terhadap iklim dan cuaca dan penggunaan bahan binaan yang terdapat di sekelilingnya. Setiap rumah tradisional Melayu mempunyai kesenian susun-atur. Kesenian susun-atur ruang ialah perancangan susunatur yang menterjemah sosio budaya masyarakat Melayu. Othman (2013) mengklasifikasikan struktur seni bina sebagai komponen penting dalam rumah Melayu tradisional. Antara struktur tersebut adalah seperti tangga, tiang, dinding, rasuk, pintu, bumbung, dan lain-lain. Struktur ini mempunyai fungsinya yang tersendiri dan mengandungi falsafah di sebalik pembinaannya (Muhamad Fadzllah dan Nor Hashimah, 2019: 4).

Struktur utama rumah tradisional Melayu terdiri daripada tiang, bumbung, serambi, anjung dan ruang dapur. Selain itu, terdapat juga struktur rumah ibu dan struktur sampingan seperti selang dan pelantar (Zulkifli Hanafi, 1996: 15-19).




Rajah 9 Sistem Pengudaraan dan Kitaran Angin bagi Rumah Tradisional Melayu.

Serambi rumah Melayu boleh didefinisikan sebagai sebuah ruang yang bersifat terbuka luas dan memanjang yang berada di kedudukan paling hadapan pada rekabentuk rumah tradisional Melayu (Yaakub Idrus, 1996). Ruang serambi ini dikenali sebagai 'selasar' di Terengganu dan 'sengkuap' di Melaka. Ruang ini direkabentuk sebagai ruang multifungsi oleh masyarakat Melayu terdahulu bagi memenuhi keperluan budaya dan kehidupan seharian. Kebijaksanaan masyarakat terdahulu dalam merekabentuk rumah kediaman jelas terpancar apabila mampu mempelbagaikan aktiviti budaya di dalam sebuah ruang yang terhad. Pada dasarnya, serambi rumah Melayu berfungsi sebagai ruang menyambut dan meraikan tetamu, ruang makan keluarga, tempat beribadat dan ruang beristirahat bagi anak dan tetamu lelaki dalam kehidupan seharian penghuni (Chen, Ariffin & Wang, 2008; Zahra K.Z & Sayedah M.T, 2016; Siti Fatimah Tuzzahrah dan Kamarul Afizi, 2017: 39).

Rasional kedudukan serambi yang diletakkan di bahagian hadapan sekali dalam struktur asas bagi rumah tradisional Melayu, adalah sebagai ruang umum untuk menyambut tetamu diikuti dengan rumah ibu sebagai ruang utama kekeluargaan dan keraian, adalah menepati keperluan budaya masyarakat Melayu yang mengutamakan layanan terhadap tetamu dan pada masa yang sama menjaga tahap privasi ahli keluarga mengikut hukum dan prinsip Islam. Bilik di dalam rumah tradisional Melayu pula dibina dalam keadaan boleh ditambah dan dikurangkan mengikut keperluan dan jumlah ahli keluarga (Mohd Firrdhaus, 2016).




Rajah 10 selang dan Lakaran Bentuk 3D Pelan Rumah Tradisional Melayu Malaysia



Rajah 11 Keratan Rentas Lukisan Terukur Rumah Melayu terdiri daripada serambi, rumah ibu, selang dapur dan kolong.

Bagi rumah Melayu yang mempunyai susunatur jenis berkembang (*expanded form*) perletakkan selang sebagai jambatan penghubung di antara rumah ibu dan dapur adalah berperanan sebagai pintu masuk bagi kaum wanita ketika persiapan kenduri-kendara sedang giat dilakukan (Mohd Firrdhaus, 2016). Ruang selang terletak antara dapur dan rumah ibu yang merupakan ruangan induk. Antara kepentingan ruang selang ini adalah seperti berikut, iaitu pertama, tempat masuk tetamu perempuan; kedua, tempat berehat isi rumah wanita; ketiga, kawasan penambat kebakaran; keempat, tempat mandi jenazah. Oleh kerana dapur pada zaman dulu menggunakan dapur kayu, ruang dapur mudah terbakar. Sehubungan itu, ruang selang berfungsi sebagai penambat kebakaran, iaitu menghalang api dari dapur merebak ke bahagian rumah ibu, bilik, dan serambi (Hasanuddin Yusuf, 2020). Ia juga berfungsi sebagai penghadang yang melambatkan kehadiran musuh dan membenarkan tuan rumah melarikan diri atau bersedia mempertahankan diri (Moustapha, 2019).



Rajah 12 Ruang Laluan Hadapan dan Belakang Rumah Melayu.

Ruang lain, seperti kolong berperanan sebagai ruang serbaguna bagi aktiviti kenduri-kendara, aktiviti harian seperti stor simpanan peralatan dan hasil penuaian. Manakala di musim tengkujuh yang selalunya berlarutan sehingga berminggu-minggu, kolong merupakan tempat penting bagi tujuan pengeringan pakaian dan juga tempat pembaikan jala bagi nelayan yang tidak dapat turun ke laut. Ternyata susunatur ruang di dalam rumah tradisional Melayu adalah merupakan refleksi ke atas cara hidup dan budaya masyarakat Melayu itu sendiri (Mohd Firrdhaus, 2016; Moustapha, 2019).

Struktur asas seni bina rumah bumbung panjang seperti rumah tradisional di Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan, pada asasnya mempunyai tiga komponen iaitu rumah ibu, rumah tengah dan rumah dapur. Seni bina ini dikenali sebagai rumah bumbung panjang kerana bumbungnya menggunakan sebuah perabung panjang lurus mendatar dan pada tepi dinding yang tegak dipasang dinding tabir layar yang berlapis dua. Rumah ibu mempunyai ruang serambi berandah, anjung dan bilik, sementara rumah tengah pula ada ruang rumah tangga, bilik dan ruang tengah (laluan) yang bersambung antara rumah ibu dan dapur. Rumah dapur di sebelah belakang dijadikan tempat memasak (*Harian Metro*, 22 Oktober 2016). Berbanding dengan bumbung

rumah tradisional negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, rumah Negeri Sembilan yang terkenal dengan bumbung panjang yang melengkung pada bahagian tebar layar membezakannya dengan rumah Melaka, Perak dan Kedah menerima pengaruh Nusantara terutama sekali daripada kebudayaan Minangkabau di Indonesia, namun telah mengalami perubahan dengan melakukan adaptasi dan pengubahsuaian dengan bentuk rumah tempatan di Negeri Sembilan (Zulkifli Hanafi dan Ahmad Zakiiudfuad Yahaya, 2005: 20).

Ramai orang menyangka bahawa rumah Minangkabau adalah sama seperti rumah tradisional Negeri Sembilan. Rumah tradisional Negeri Sembilan bukanlah berbumbung lentik seperti tanduk kerbau atau dikenali sebagai “bumbung gondang” kerana bentuk itu sebenarnya adalah merupakan ciri rumah Minangkabau yang banyak terdapat di Sumatera Barat. Pandangan tersebut adalah tidak tepat kerana bumbung rumah Negeri Sembilan berbentuk bumbung panjang dan hanya lentik sedikit pada bahagian hujung (Noor Hayati et al., 2016 dan 2017; Mohamad Hanif et al., 2016; Mawar, 2012).



Rajah 13b: Rumah tradisional Melayu Negeri Sembilan. at
Tinggi, Sumatera Barat, Indonesia.


Rajah 13a dan Rajah 13b memperlihatkan perbandingan antara rumah tradisional

Minangkabau dan rumah tradisional Negeri Sembilan. Rumah bergonjong tradisional Minangkabau, mempunyai bentuk atap yang bergonjong runcing menjulang. Manakala Rumah Negeri Sembilan merupakan satu-satunya rumah bumbung panjang yang melentik di Semenanjung Malaysia. Ciri- ciri inilah yang membezakan rumah Negeri Sembilan dengan negeri-negeri yang

lain, yang melambangkan keunikan masyarakat adat perpatih yang diamalkan oleh masyarakat Negeri Sembilan (Noor Hayati et. al., 2017: 3).


Menurut Noor Hayati et. al., (2016 dan 2017), reka bentuk rumah Negeri Sembilan mempunyai beberapa tipologi (Rajah 14) seperti rumah serambi satu, rumah serambi satu dan beranjung; dan serambi dua beranjung seperti dalam (Rajah 15). Menurut Raja Nafida (2007) reka bentuk rumah Negeri Sembilan adalah mengikut ruang serambi di mana serambi yang dekat dengan tangga dipanggil serambi pangkal dan serambi yang jauh dengan tangga di panggil serambi hujung. “Pangkal untuk orang adat, hujung untuk orang syarak dan penghulu”. Reka bentuk pelan lantai, tingkap dan gerbang pada rumah itu jelas menampakkan prinsip reka bentuk berdasarkan fungsi. Budaya serta aktiviti semasa penghuninya menjadi tunjang kepada reka bentuk pelan lantainya (Kamarul Afizi, Nik Lukman, 2007).

Rumah ibu mempunyai ruang yang terluas dan tertinggi. Terdapat bilik di rumah ibu dan tangga menghala ke loteng. Loteng ini mengambil lebihan ketinggian dan tingkat atap yang diberi ruang oleh struktur rumah ini. Rumah ibu bersifat terbuka dan disambung ke rumah dapur melalui pintu yang menghala ke selang. Selang tidak berdinging dan merupakan pelantar kepada sebahagian fungsi dapur. Ianya berperanan sebagai ruang bagi kaum perempuan untuk bersembang. Pengasingan dan ruang privasi lelaki dan perempuan dapat dilihat dalam ruang rumah tradisional Melayu di Negeri Sembilan (Noor Hayati et. al., 2017: 9).




Rajah 14 Reka bentuk rumah tradisional yang banyak terdapat pada daerah Rembau

Sumber: Noor Hayati et. al., (2017), hlm. 9.



Rajah 15 Reka bentuk dan tipologi rumah tradisional Negeri Sembilan mengikut perkembangan dan evolusi.

Menurut Mastor et. al., (2009), sifat umum yang ketara pada keseluruhan seni bina warisan Melayu, khususnya rumah kediaman sebelum mendapat pengaruh luar ialah reka bentuk bumbungnya yang mempunyai dua kecerunan dan diakhiri dengan binaan tebar layar di kedua-dua belah hujung setiap modulnya. Orang Melayu memanggil reka bentuk rumah sedemikian sebagai 'Rumah Bumbung Panjang'. Ciri-ciri Rumah Bumbung Panjang ini terdapat pada rumah tradisional negeri Selangor, Melaka dan Negeri Sembilan. Menurut Raja Nafida (2007), rumah tradisional di Negeri Sembilan dikenali juga istilah rumah bumbung panjang Negeri Sembilan. Faktor yang membezakan di antara rumah-rumah tersebut ialah ukuran dan pengisian (faktor) nilai-nilai kedaerahan serta ekonomi yang mempengaruhi kaedah binaan dan ragam hiasnya.



Rajah 16 Keratan Rentas Pelan Rumah Tradisional Negeri Sembilan.

Kajian yang dilakukan oleh Chen, Syed Iskandar dan Wang, (2008) mendapati bahawa rumah Melayu tradisional mempunyai komposisi beberapa bangunan yang dikumpulkan berdasarkan unit utamanya. Kajian yang dilakukan ini meneroka peraturan yang membentuk seni bina rumah Melayu dan variasinya dari sudut spatial 3-Dimensi dan struktur pembinaan. Lebih daripada 200 rumah di sembilan negeri di Semenanjung Malaysia telah dikaji dan dibahagikan kepada lima kumpulan untuk analisis dan dilakukan perbandingan secara terperinci. Semua rumah Melayu yang dikaji dapat dihasilkan dengan lima set peraturan dan sub-peraturannya, yang bertindak sebagai bahasa deskriptif dan juga menghasilkan mekanisme. Sistem peraturan disusun dalam tiga lapisan yang dapat menjelaskan perubahan gaya tempatan di Semenanjung Malaysia, yang dapat memperlihatkan maklumat yang menarik mengenai hubungan evolusi antara jenis rumah Melayu.

Rumah Bumbung Panjang Perlis mempunyai banyak tiang adakalanya berjumlah 24 batang tiang pada rumah ibunya. Bentuk rumahnya memanjang, bumbung panjang lurus mendatar, dihadapannya dipasang tebar layar berbentuk huruf 'V' terbalik. Komponen bangunan rumah berkenaan terdiri daripada rumah ibu dan rumah dapur. Rumah ibu mengandungi ruang yang disebut ruang lepar (serambi), bilik, ruang tengah dan ruang tamu. Ruang dapur terdiri daripada satu bahagian yang tidak bersekat tetapi dipisahkan oleh ruang yang dipanggil ruang selang (Wan Zailani, 2021).



Rajah 17 Rumah Bumbung Panjang Perlis

Terdapat beberapa jenis rumah tradisional Melayu yang berlainan bentuk di Pulau Pinang, iaitu Rumah Bumbung Panjang, Rumah Serambi dan Rumah Serambi Gajah Menyusu. Salah satu rumah tradisional Melayu tersebut adalah Rumah Serambi Gajah Menyusu yang dapat dikenali dengan bentuk bumbungnya di mana bumbung ibu kelihatan lebih tinggi rendah seperti kelihatan seekor gajah sedang menyusukan anaknya. Rumah jenis ini menggunakan bumbung panjang jenis mendatar dan di muka tepi dindingnya dipasang dinding tegak yang dipanggil tebar layer, manakala pembahagian ruangnya pula terdiri daripada rumah ibu dan dapur. Pembahagian ruangnya terdiri daripada ruang rumah tangga, terletak di hadapan ruang serambi luar, ruang tengah, ruang serambi dalam, dan dapur (Wan Zailani, 2021).



Rajah 18 Rumah Tradisional Melayu Pulau Pinang

Di Kelantan, rumah tradisional dikenali sebagai Rumah Tiang Dua Belas yang terhasil daripada sejarah dan latar belakang negeri itu yang unik dan panjang. Berdasarkan namanya, rumah ni mempunyai 12 batang tiang, yang dibina di ruang utama dengan 6 tiang serambi dan 6 tiang Panjang (Wan Zailani, 2021: 1). Manakala di Negeri Terengganu terdapat beberapa bentuk rumah tradisional Melayu dan salah satunya dipanggil Rumah Limas Bungkus. Struktur rumah ini dikenali berdasarkan bumbung rumahnya yang terdiri daripada sebuah perabung lurus dan bersambung pula dengan 4 buah perabung yang turun ke cucuran atap yang dihiasi dengan ukiran-ukiran kerawang kayu. Rumah jenis ini mempunyai beberapa bentuk daripada bentuk panjang dan bersegi empat tepat. Ruangnya pula terdiri daripada ruang anjung, beranda, rumah tengah dan dapur. Keunikan rumah tradisional Terengganu pada bumbung dan seni binanya mampu mengamit pelancong ke negeri tersebut (*Sinar Harian*, 13 Mac 2021).



Rajah 19 Di Kelantan, terdapat dua jenis rumah bumbung panjang
iaitu rumah tiang dua belas dan rumah bujang.



Rajah 20 Terdapat dua jenis rumah Bumbung Panjang di
Terengganu,
iaitu rumah tiang dua belas dan rumah bujang.

Rumah tradisional Melayu yang terdapat di Negeri Perak dipanggil sebagai Rumah Kutai. Rumah Kutai ialah rumah berbumbung panjang, di sudut tepi dindingnya dipasang tebar layar yang diperbuat dari pelupuh yang berkelarai manakala di bawah kaki tebar layar terdapat pula alang para buang (peran), iaitu tempat menyimpan barang-barang. Rumah Kutai mengandungi 12 atau pun 16 tiang pada rumah ibunya. Rumah ibu pula terdiri dari ruang serambi, ruang tamu dan bilik. Di sebelah belakangnya ialah rumah dapur yang dipisahkan oleh ruang selang yang tidak beratap (Wan Zailani, 2021).



Rajah 21 Rumah Kutai Negeri Perak

Rumah Melaka terkenal dengan tangga batu yang disalut dengan jubin beraneka warna yang mencerikan lagi keadaan rumah tersebut. Rumah Melaka didirikan menggunakan 12 hingga 16 batang tiang utama pada bangunan induk atau rumah ibu. Komponen bangunannya pula terdiri dari rumah ibu, ruang tengah dan dapur. Ruang rumah Melaka terdiri daripada ruang serambi, di hadapan adakalanya ditambah dengan ruang anjung yang bertangga. Di ruang tengahnya pula terdapat sebuah bilik antara rumah ibu dan rumah dapur yang dipanggil selang (Wan Zailani, 2021).



Rajah 22 Rumah Tradisional Melaka

Di Negeri Johor, terdapat rumah-rumah berbentuk Limas dikenali kerana bumbungnya mempunyai perabung panjang dan bersambung dengan empat buah perabung limas menurun ke cucuran atap. Di hujung cucuran atapnya pula dihiasi dengan ukiran-ukiran kerawang kayu. Rumah ini mudah dikenali berdasarkan puncak bumbungnya yang dipasang kayu berbentuk tajam yang dipanggil Tunjak Langit. Rumah jenis ini mempunyai ruang hadapan yang dipanggil serambi dan di bahagian hujung serambi dipanggil anjung. Ruang serambi ini dipisahkan dengan ruang ibu rumah menggunakan dinding kayu. Manakala ibu rumah dan ruang dapur dipisahkan oleh ruang selang atau selasar.

Seni bina Rumah Limas Johor banyak dipengaruhi dari budaya luar, antaranya penjajahan Belanda dan British di Tanah Melayu, serta pengaruh kemasukan agama Islam dan seni bina rumah Indonesia. Limas atau “bumbung lima” ini bentuk asasnya sama, ia dibina dengan ketinggian sederhana. Ia juga bertangga seperti mana rumah tradisi Melayu yang lain. Tapi, Rumah Limas Johor boleh dikenali melalui bumbungnya yang ada perabung panjang dan bersambung dengan empat buah perabung limas.

Rumah Limas Johor juga dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu depan, tengah dan belakang. Pengasingan ruangan ini untuk menjaga privasi tuan rumah tapi tak meminggirkan tetamu. Misalnya, bahagian depan dikhususkan untuk melayan tetamu, marhaban dan “pamer” kemakmuran kehidupan tuan rumah. Orang Melayu ni memang dari dulu pandai jaga privasi (Anon, 2021).



Rajah 23 Rumah Limas Johor

Rumah Serambi Pahang biasanya berbumbung panjang, keunikannya dapat dilihat menerusi teknik pembinaannya yang dibina dengan kayu tanpa menggunakan sebarang paku pada dinding dan lantai. Selain mempunyai tiga ruang utama iaitu serambi hadapan, rumah ibu atau induk serta serambi dapur, keunikan rumah itu juga terletak pada bahagian “geta” atau lantai yang ditinggikan untuk tujuan tertentu termasuk sebagai tempat berehat dan tidur. Rumah Serambi Pahang juga mempunyai penghadang dikenali bendul setinggi kira-kira 0.4 meter yang berfungsi sebagai pintu masuk dari rumah ibu ke serambi (Wan Zailani, 2021).



Rajah 24 Rumah Tradisional Pahang

Rumah Melaka	<ul style="list-style-type: none"> • Tangga batu cantik • Bumbung panjang • Seni bina Riau, Bugis, Jambi dan Minangkabau
Rumah Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> • 12 batang tiang • 3 bahagian • Unik di pemeleh dan tiang layar
Rumah Melayu Sarawak	<ul style="list-style-type: none"> • Loteng • Binaan kayu dan atap genting
Rumah Limas Johor	<ul style="list-style-type: none"> • Pengaruh Belanda dan British • Perabung panjang • 4 perabung limas
Rumah Serambi Pahang	<ul style="list-style-type: none"> • Bumbung panjang • Tanpa paku • Lebihan rasuk pengikat rangka rumah • Bendul 0.4 meter

Rajah 25 Ringkasan Ciri – Ciri Utama Rumah Tradisional Melayu

Ramai dalam kalangan masyarakat moden Malaysia hari ini yang tidak menyedari tentang adanya teknologi binaan yang telah

dibangunkan oleh masyarakat Melayu terdahulu yang telah berjaya mengatasi pelbagai masalah bencana alam dan dalam masa yang sama boleh memberikan keselesaan hawa dan keselamatan kepada penghuninya. Ini adalah berikutan dari terlalu bergantungnya masyarakat kita kepada teknologi impot yang telah dibangunkan oleh kebanyakannya dari barat (M. Surat, et al., 2009: 20). Sebagai contoh, kebanyakan rumah moden kini dibina berasaskan konsep moden ala-barat. Struktur dan susun atur rumah dibuat meletakkan bahagian dapur di bahagian hadapan, diikuti dengan bahagian ruang tamu dan bilik tidur di bahagian belakang. Selain itu, bangunan-bangunan moden juga tidak memberikan keselesaan hawa kepada penghuninya. Lantaran itu, bagi mengatasi permasalahan tersebut, kipas angin dan alat penyaman udara diperlukan, yang akan memberikan kesan yang berpanjangan terhadap penggunaan tenaga (M. Surat, et al., 2009: 21).

KESIMPULAN

Hasil daripada keseluruhan kajian ini, didapati terdapat seribu satu ilmu yang diperoleh berkenaan kearifan tempatan dalam pembinaan rumah tradisional Melayu di Malaysia dari segi falsafahnya, struktur dan reka bentuknya dan fungsi ruangnya. Reka bentuk rumah tradisional di Malaysia telah berubah dan berlaku evolusi terhadapnya seiringan dengan peredaran masa. Tidak dinafikan bahawa rumah tradisional Melayu Malaysia mempunyai keunikan dan identitinya tersendiri yang melambangkan keistimewaan seni bina rumah tradisional tempatan.

Nilai penghargaan terhadap warisan seni bina rumah-rumah Melayu kini semakin berkurangan dan pudar dalam diri masyarakat tempatan di Malaysia oleh kerana kurang minat terhadap reka bentuknya yang dikatakan tidak tepat dengan cita rasa. Arus kemodenan menyebabkan generasi muda kini jahil akan keunikan warisan seni bina tempatan dan keadaan tersebut banyak mempengaruhi cara berfikir masyarakat moden kini. Akibatnya, ini memberi kesan terhadap kesinambungan profesion pekerjaan tukang-tukang mahir dalam seni bina tempatan, akibat minat terhadap seni seni pertukangan rumah tradisional yang semakin terhakis oleh gaya hidup moden.

Identiti Melayu sukar untuk diterapkan dalam seni bina Malaysia berikutan ketidakarifan generasi muda Melayu mengenai seni dan budaya bangsa (Hafizah Iszahanid, 2017). Hal demikian menjadi semakin rumit kerana kebanyakan pemaju juga bukan dalam kalangan orang Melayu, selain kos pembinaan seni bina tradisional amat tinggi. Penasihat Sosiobudaya Kerajaan Malaysia, Tan Sri Rais Yatim, menyatakan bahawa adalah tidak tepat untuk menyalahkan generasi muda sebagai tidak peduli atau tidak menghargai budaya sendiri. Hal ini kerana menurut beliau, generasi muda hari ini tidak pernah diajar untuk menghargai budaya sendiri. Mereka sudah dicuci dan dibasuh untuk melihat apa yang ada di luar budaya mereka itu sebagai lebih baik. Selain ilmu agama, sepatutnya anak-anak muda diajar tentang budaya dan budi Melayu, tetapi malangnya apa yang berlaku sekarang adalah generasi muda berasa ganjil dengan budaya tempatan (Hafizah Iszahanid, 2017). Oleh yang demikian, sekiranya tiada Tindakan serius diambil untuk memelihara dan mengekalkan warisan kearifan tempatan dalam seni bina rumah tradisi Melayu, tidak mustahil warisan bernilai ini tidak lagi dimiliki dan diminati oleh generasi pewaris.

RUJUKAN

- “Fungsi loteng”, *Harian Metro*, 3 Disember 2016. <https://api.hmetro.com.my/node/186345>.
- A. Majid, Nabihah; M. Juperi, Norfarain; Jasmi, Kamarul Azmi (2018). Tamadun Melayu Islam dan Pencapaian Teknologi in Prosiding Seminar Tamadun Islam 2018 pada 17hb. Ogos 2018 di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM. Program anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM, p. 171-182. ISBN: 978-967-2171-28-7.
- A. Samad Ahmad. (Penyelenggara). (1979). Sulalatus salatin sejarah Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Azis Said. (2004). *Simbolisme Unsur Visual Rumah Tradisional Toraja dan Perubahan Aplikasinya Pada Desain Modern*. Yogyakarta: Ombak Press.
- Abdul Azis Said. (2004). *Simbolisme Unsur Visual Rumah Tradisional Toraja dan Perubahan Aplikasinya Pada Desain Modern*. Yogyakarta: Ombak Press.

- Abdul Rahman Al-Ahmadi. (2000). *Tajul Muluk*. Dlm *Petua Membina Rumah Melayu Dari Sudut Etnis Dan Antropologist*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia.
- Abdullah Munsyi. (1938). *Bahwa ini kisah pelayaran 'Abdullah bin 'Abdul Kadir Munsyi dari Singapura sampai ke Kelantan*. Singapura: Press of the American Mission.
- Ahmad Sunawari Long. (2017). *Sejarah Falsafah*. Edisi Kedua. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1995). *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC).
- Aniza Zainudin. (12 Jun 2019). Lebaran di Rumah Melayu. *Harian Metro*.
<https://api.hmetro.com.my/nuansa/2019/06/464365/lebaran-di-rumah-melayu>.
- Anon. (08 May 2021). 5 Rumah Melayu Tradisional Yang Boleh Dijadikan Inspirasi.
<https://www.propertyguru.com.my/property-guides/inspirasi-rumah-melayu-tradisional-malaysia-40051>.
- Anon. (September 15, 2014). Seni Bina Rumah Melayu Tradisional.
<http://bicarasenivisual.blogspot.com/2014/09/seni-bina-rumah-melayu-tradisional.html>.
- Anwar Din. (2007). *Kesenian: Konsep, Aliran dan Kritikan*. Dalam Anwar Din. *Asas Kebudayaan dan Kesenian Melayu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Aziz, Noor Faizah and Md. Jahi, Jamaluddin and Arifin, Kadir and Ujang, Aziz. (2008). *Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan Terhadap Pembinaan Rumah Melayu Traditional / Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir. Arifin & Aziz Ujang. International Journal of the Malay World and Civilization (Iman), 2(2), 105 – 111.*
- Bashir A. Kazimee. (2012). *Heritage and Sustainability in the Islamic Built Environment*. USA: WIT Press.
- Berita Harian. (April 5, 2017). Seni bina Warisan Perlu Transformasi.
<https://www.bharian.com.my/taxonomy/term/1303/2017/07/268059/seni-bina-warisan-perlu-transformasi>.

- Berita Media Corp. (29 Oktober 2010). Usaha pulihara rumah tradisional M'sia, keunikan seni bina. <https://berita.mediacorp.sg/mobilem/dunia/usaha-pulihara-rumah-tradisional-m-sia-keunikan-seni-bina/4356272.html>.
- Boby Samra, dan Imbardi. (2018). Makna Kearifan Lokal Arsitektur Rumah Tradisional Melayu Bengkalis Negeri Junjungan. *Jurnal Pustaka Budaya*, 6(1), 1-6.
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis in Psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3, 77-101.
- Che Husna Azahari. (1997). Teknologi warna alam Melayu. *Akademika*, 51, 553-563.
- Chen, Y., Ariffin, S. I. & Wang, M. (2008). The Typological Rule System of Malay Houses in Peninsula Malaysia. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*, 7(2): 247-254. doi:10.3130/jaabe.7.247.
- Chen, Yao-Ru., Syed Iskandar Ariffin and Wang, Ming-Hung. (2008). The Typological Rule System of Malay Houses in Peninsula Malaysia. *Journal of Asian Architecture and Building Engineering*. November 2008, 7(2), 247-254. Diakses pada 4 Mei 2021 di halaman https://www.jstage.jst.go.jp/article/jaabe/7/2/7_2_247/pdf/
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (2nd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Fairuzah Basri, Farahdina Abdul Manaf dan Mujaini Tarimin. (2019). Cabaran dan Pemantapan Budaya Melayu dalam Penerusan Tamadun Melayu. Seminar Antarabangsa Pendidikan Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu Kedua, Di Universiti Goethe, Frankfurt, Jerman.
- Gall, M.D., Gall, J.P., & Borg, W.R. (2007). *Educational Research: An Introduction* (8th ed.). Boston: Pearson.
- Habib Shulton Asnawi & Eka Prasetiawati. (2018). Pribumisasi Islam Nusantara Dan Relevansinya dengan Nilai-Nilai Kearifan Lokal di Indonesia. *Jurnal Fikri*, 3(1), 219-258.
- Hafizah Iszahanid. (Ogos 3, 2017). Punca identiti Melayu sukar diterapkan dalam seni bina. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/sastera/2017/08/3>

08459/punca-identiti-melayu-sukar-diterapkan-dalam-seni-bina.

- Hardono, S. (2015). pengaruh matrilineal pada susun atur ruang dalaman Rumah Tradisional Negeri Sembilan dan Rumah Adat Minangkabau di Sumatera Barat ini. Universiti Sains Malaysia.
- Harian Metro*. (22 Oktober 2016). Tiga Kompenan Utama. <https://api.hmetro.com.my/node/175894>.
- Harun Mat Piah. (2016). Cinta dan pekasihan - sebagai ilmu dan amakan menurut naskhah-naskhah Melayu tradisional. Kertas Kerja Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Asia Tenggara XII, Bahagian Penyelidikan Sastera, Dewan Bahasa dan Pustaka pada 26-27 Disember 2016.
- Hasanuddin Yusuf. (2020). Sistem Pencegahan Kebakaran dalam Rumah Tradisional Melayu. *Malakat Tribune*. <https://www.malakatribunenews.com/2020/10/sistem-pencegahan-kebakaran-dalam-rumah-tradisional-melayu/>.
- Hashim Hj. Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi, Siti Sarah Ab Karim. (2012). Hati Budi Melayu: Kajian Keperibadian Sosial Melayu Ke Arah Penjanaan Melayu Gemilang. *GEMA Online (Journal of Language Studies)*, 12(1), 163-182. http://journalarticle.ukm.my/3269/1/pp_163_182.pdf.
- Hashim Hj. Musa. (2005). The theory of knowledge and language: An alternative view from Malay Studies Perspective. *AFKAR, Journal of Akidah & Islamic Thought*, 6, Mei 2005, hlm. 193-224.
- Hashim Hj. Musa. (2008). *Hati Budi Melayu: Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hasrina Baharum & Mariyati Haji Mohd Nor. (2016). Ilmu Perancangan Tapak Landskap Melayu Dalam Karya Melayu (Tradisional Malay Landscape Planning Knowledge In Tradisional Malay Masterpiece). *Jurnal Peradaban Melayu Jilid 11*, 2016, pp. 45-54.
- Hossein Nassaji. (2015). Qualitative and Descriptive Research: Data Type Versus Data Analysis. *Language Teaching Research* 2015, 19(2) 129-132. http://eseminar.dbp.gov.my/dokumen/wacanafikrah_okt.pdf.

- Idris Ahmad. (1984). Pendekatan Spriritual dalam Pembinaan Rumah Melayu di Seberang Perai. Kajian Ilmiah Pusat Pengajian Perumahan, Universiti Sains Malaysia.
- Idris Zakaria. (2012). Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu (Islam And Its Philosophy in Malay Culture). *Jurnal Hadhari Special Edition*, (2012), pp. 91-108.
- Ifwan Tun Tuah. (31 Mac 2016). Rumah 150 Tahun Masih Teguh. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/03/138998/rumah-150-tahun-masih-teguh>.
- Ira Mentayani. (2012). “Menggali Makna Arsitektur Vernakular: Ranah, Unsur dan Aspek-aspek Vernakularitas. *Journal of Architecture, Vol. 1. 2(8): 68-82.*
- Ismail, M., Abu Bakar, A. H., Abas, N. F., Roosli, R., & Abdullah, S. (2015). Non-Structural Elements of the Traditional Malay Houses in the East Coast and Northern Peninsular Malaysia: Similarities and Differences. *Applied Mechanics and Materials*, 747, 188–191. <https://doi.org/10.4028/www.scientific.net/amm.747.188>
- Ismail, Noor Hafiza and Hamzah, Azni Hanim and Mat Sari, Mohd Fauzan (2019). Keindahan ukiran kayu pada mimbar Masjid Terengganu pada tahun 2009 hingga 2014 / Noor Hafiza Ismail, Azni Hanim Hamzah dan Mohd Fauzan Mat Sari. *Jurnal Inspirasi Seni Intelektual (I.S.I)*. pp. 81-95. ISSN 2637-0115. Official URL: <https://fliphtml5.com/wjzdi/axim/basic/>
- Johnmarshall Reeve. (2015). *Understanding Motivation and Emotion*. United State of America: George Hoffman.
- Juliet Corbin, Anselm Strauss. (1996). *Basics of Qualitative Research 3e*. Los Angeles: Sage Publication.
- Jurnal Alam Bina, Jilid 6, No.2, 2004. <https://core.ac.uk/download/pdf/11784577.pdf>.
- Kamarul Afizi Kosman, and Nik Lukman Nik Ibrahim. (2007). Identiti Seni Bina Malaysia: Masalah dan Penyelesaiannya. *SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*, 25. pp. 270-290.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka*. Edisi Keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamus Dewan*. (2015). Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Krier, R. (1988). *Architectural Composition*. New York: Rizolli International Publications, Inc.
- Lim Jee Yuan. (1991). *The Malay House: Rediscovering Malaysia's Indigenous Shelter System*. Pulau Pinang: Institut Masyarakat.
- Lim Jee Yuan. (1991). *The Malay House: Rediscovering Malaysia's Indigenous Shelter System*. Pulau Pinang: Institut Masyarakat.
- M. Surat, Usman I.M.S, Tahir M.M, Abdul Halim Ismail, N.L. Nik Ibrahim. (2009). Pendekatan Dasar Pemikiran Seni Bina Warisan Melayu bagi Mendapatkan Keselesaan Hawa Serta Penyelesaian Masalah Iklim dan Persekitaran dalam Seni Bina Masa Kini. *Journal Design and Built*. Volume 2, 2009, 8-27.
- Maguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing a Thematic Analysis: A Practical, Step-by-Step Guide for Learning and Teaching Scholars. *AISHE-J*, 9, 3351. <http://ojs.aishe.org/index.php/aishe-j/article/view/3354>.
- Mastor Surat, Ar. (2012). Identiti Seni Bina Kebangsaan Melalui Pendekatan Seni Bina Warisan Alam Melayu. Bengkel Garispanduan Identiti Seni Bina Kebangsaan Royale Bintang, Mutiara Damansara, 18 – 19 Disember, 2012. Dianjurkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia & Universiti Kebangsaan Malaysia. <https://melayu.library.uitm.edu.my/1420/1/fail3%20%281%29.pdf>.
- Mastor Surat, H. Othman, A.R.Musa (2009). Pendekatan Dasar Pemikiran Senibina Warisan Melayu Bagi Mendapatkan Keselesaan Hawa Serta Penyelesaian Masalah Iklim Dan Persekitaran Dalam Senibina Masa kini. Prosiding Simposium Alam Bina Serantau 2009, FKAB, UKM.
- Mastor Surat, M. A. Baharum, I.M.S Usman, A. R. Musa, & N. M Tawil. (2012). Mengenal pasti tahap kesejahteraan seni bina warisan Melayu melalui konsep Islam. *Journal Design + Built*, 5(1), 1 – 11. Retrieved from <http://spaj.ukm.my/jsb/index.php/jdb/article/view/47> at 10 Mei 2021.
- Mastor Surat, Usman I.M.S, Tahir M.M, Abdul Halim Ismail, N.L. Nik Ibrahim. (2009). Pendekatan Dasar Pemikiran Seni Bina

Warisan Melayu bagi Mendapatkan Keselesaan Hawa serta Penyelesaian Masalah Iklim dan Persekitaran Dalam Seni Bina Masa Kini. *Journal Design & Built*, 2, 18-27.

Mat Rofa Ismail. (2009). Ilmu hikmah dalam kajian etnosains dan etnomatematik alam Melayu. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Falsafah Sains, anjuran Jabatan Matematik, Universiti Putra Malaysia pada 9 Julai 2009.

Mawar Masri, Rodzyah Mohd Yunus, Mohamad Hanif Abdul Wahab. (2015). Manifestation of Archipelagic Culture: How significant is it within the Negeri Sembilan Malay Traditional Architecture?. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 02 (2015), pp 1-11. ASEAN-Turkey ASLI Conferences on Quality of Life 2015. AicQoL2015Jakarta AMER International Conference on Quality of Life, The Akmani Hotel, Jakarta, Indonesia, 25-27 April 2015.

Mawar Masri. (2012). The Misconceptions of Negeri Sembilan Traditional Architecture. *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 68 (2012), pp. 363 – 382. AicE-Bs 2012 Cairo ASIA Pacific International Conference on Environment-Behaviour Studies Mercure Le Sphinx Cairo Hotel, Giza, Egypt, 31 October 2 November 2012. doi: 10.1016/j.sbspro.2012.12.234.

Md. Salleh Yaapar. (2014). *Peri Nama, Asal Usul dan Identiti Melayu: Ke arah Pencerahan yang Dinantikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Hanif Abdul Wahab & Azizi Bahauddin. (2016). Elemen “Merantau” Di Alam Bina Melayu. International Conference Local Knowledge 2016. 1-10. Dicapai pada 8 Mei 2021. https://www.researchgate.net/publication/320627114_Elemen_Merantau_Di_Alam_Bina_Melayu.

Mohamad Hanif, Shamsidar, Mawar, & Abu Bakar. (2015). Malay furniture: Design, function and meaning. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 202, 285 – 293. Retrieved from https://ac.els-cdn.com/S1877042815048806/1-s2.0-S1877042815048806-main.pdf?_tid=069f7fbe-eb6a-11e7-8d21-00000aab0f01&acdnat=1514422807_635e9b3b658a5aeed78db904cd6bdc6 at 19 Mei 2021.

- Mohamad Sohaimi Man. (2017). Kepentingan Pemuliharaan dan Penyelenggaraan Rumah Tradisional Melayu di Abad kini. *Ideology*, 2(1), pp. 2-13.
- Mohamad Tajuddin Haji Mohamad Rasdi, Gurupiah Mursib. (2004). Sahutan Regionalisme dalam Identiti Senibina di Malaysia: Adaptasi Awal Tradisi Modenisme 1950-1980.
- Mohamad Tajuddin, Mohamad Rasdi. (2011). *Architecture and Nation Building*. UTM: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Tajuddin, Mohamad Rasdi. (2012). *Warisan Seni Bina Negeri Sembilan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Firrdhaus Mohd Sahabuddin. (2016). Rumah Tradisional Melayu: Antara Seni, Sains & Realiti. *Majalah Sains*. Diterbitkan pada 16 Mac 2016. Diakses pada 9 Mei 2021. <https://www.majalahsains.com/rumah-tradisional-melayu-antara-seni-sains-kuno-realiti/>.
- Mohd Zaidi Ismail and Wan Suhaimi Wan Abdullah. (2012). *Adab Dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.
- Mohd. Nazaruddin Yusoff, Muhamad Khairul Anwar Osman dan Mohamad Khadafi Rofie, Mohd Nizho Abdul Rahman dan Azman Md. Zain. (2004) *Pembudayaan nilai Islam dalam rekabentuk rumah tradisional masyarakat Melayu*. In: Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme (SIVIC 2004), 4-6 September 2004, Hotel City Bayview Langkawi, hlm. 2.
- Mohd. Shuhaimi Hj. Ishak & Osman Chuah Abdullah. (2012). Islam and Malay World: An Insight into the Assimilation of Islamic Values. *World Journal of Islamic History and Civilization*. 2(2): 58-65.
- Moustapha Abbas. (15 Julai 2019). Sains Disebalik Rumah Tradisional Melayu. *The Patriot*. <https://www.thepatriots.asia/sains-disebalik-rumah-tradisional-melayu/>.
- Muhamad Fadzliah Zaini and Nor Hashimah Jalaluddin. (2019). Struktur Seni Bina Melayu “Tangga” dalam Peribahasa Melayu: Analisis Semantik Inkuisitif. Melayu: *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 12(1), 1 – 26.
- Muhamad Suhaimi Musa, Anuar Talib, & Mohd Dani Mohamad. (2011). Undang-undang Islam, adat, dan reka bentuk rumah

- Melayu tradisional. Paper presented at Seminar Warisan Nusantara dan Bicara Kraf Nusantara, Universiti Malaysia Sabah. Retrieved from https://www.researchgate.net/publication/281067350_Undang-undang_Islam_adat_dan_rekabentuk_rumah_Melayu_tradisional at 10 Mei 2021.
- Muhamat Hamzah Bin Eksan. (2014). Pengaruh Sejarah dan Agama dalam Seni Bina dan Ragam Hias Melayu. Universiti Malaya. Diakses pada 8 Mei 2021. https://www.academia.edu/7559530/Pengaruh_Sejarah_Terdhadap_Seni_Bina_Melayu.
- Muhammad Ammar Harith Idris, Mohd Anuar Ramli & Mohammaddin Abdul Niri (2019). Kearifan Tempatan Dalam Fiqh Makanan Di Alam Melayu. *Jurnal Fiqh*, 16(1): 57-82.
- Muhammad Din, Selmita Paranoan, Rahma Masdar, Hamonangan Siallagan & Tarmizi Achmad. (2017). Public Accountability Based on The Value of Local Wisdom. *International Journal of Civil Engineering and Technology*, 8(8), 1046-1053.
- Muhammad Yusri bin Yusof @Salleh & Mohd Anuar Ramli. (2020b). Kearifan Tempatan Dalam Adat Kematian Masyarakat Melayu Dari Perspektif Uruf, *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*, 21(1): 21-37.
- Muhammad Yusri Yusof @Salleh dan Mohd Anuar Ramli. (2020a). Pentakrifan Kearifan Tempatan: Suatu Sorotan. *Jurnal Melayu*, 19(2), 175-188.
- Nangkula, Kamarul Afizi. (2009). Tipologi reka bentuk masjid tradisional di Indonesia. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu (SARI)*, 27(2), 229 – 245.
- Nazri Muslim, Jamsari Alias, Wan Zulkifli Wan Hassan, Azizi Umar, Nasruddin Yunos. (2013). Analisis Peruntukan Orang Melayu Dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia Dalam Konteks Hubungan Etnik. *Jurnal Melayu*, 11, Disember 2013, hlm. 63-78.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. (2000). “Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan.” Dlm. Mohd. Taib Osman dan A. Aziz Deraman (Pnyt.), *Tamadun Islam di Malaysia* (hlm. 287-337). K.L: DBP.
- Noor Faizah Aziz, Jamaluddin Md. Jahi, Kadir Arifin & Aziz Ujang. (2014). Pengaruh Adat Resam, Kepercayaan dan Kebudayaan

- terhadap Pembinaan Rumah Melayu Tradisional. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)*, 2(2), 2014: 105 – 111.
- Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus and Mastor Surat. (2016). Reka Bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan dipengaruhi oleh Adat dan Kedaerahan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 15: 113–136. <http://dx.doi.org/10.21315/ws2016.15.5>.
- Noor Hayati Ismail, Shahrul Kamil Yunus, Mastor Surat. (2017). Bentuk Rumah Tradisional Negeri Sembilan Dipengaruhi Oleh Adat Dan Kedaerahan. *Malaysian Journal of Creative Media, Design and Technology*. Vol. 1 No.1 2017, 1-12.
- Nor 'Asyikin Mat Hayin. (24 November 2018). Rumah Konsep Islamik. *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/dekotaman/2018/11/397850/rumah-konsep-islamik>.
- Noratiqah Ahmad Kazmar, Azmul Fahimi Kamaruzaman. (2018). Falsafah Sejarah Naquib al-Attas dalam Karya Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu (Naquib al-Attas's Philosophy of History in Islam in Malay History and Culture). *Fikiran Masyarakat*, 6(3), 2018, 101-105.
- Nur Adibah Nadiah, Mohd Aripin and Noor A'yunni, Muhammad. (2017). *Seni kelarai dan seni mura : pertembungan timur dan barat* / Nur Adibah Nadiah Mohd Aripin dan Noor A'yunni Muhammad. *Ideology*, 2 (2). pp. 116-121. ISSN 2550-214X
- Nur Hasan. (2014). Kritik Islamic Worldview Syed Muhammad Naquib al-Attas Terhadap Western Worldview. Disertasi Sarjana Muda, Program Studi Aqidah Falsafah, UIN Sunan Ampel Surabaya.
- Othman Mohd Nor, R. Nafida, Norfazillah, N. & H. (2014). Peranan Ruang Serambi Dalam Adat Perpatih & Seni Bina Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan. Prosiding Simposium Antarabangsa Muafakat Minang., hlm. 311-324.
- Othman Yatim, & Abdul Halim Nasir. (2000). Seni bina Melayu Islam: Pengaruh agama. In Mohd. Taib Osman, & A. Aziz Deraman (Eds.), *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Othman Yatim. (2013). Rumah-rumah Melayu tradisional: Manifestasi kearifan tempatan. In Nazarudin, Rahimah, &

- Mohd. Kipli (Eds.). *Kearifan tempatan: Pengalaman Nusantara*. Berasal dari Akar (Vol. 1) (pp. 43 – 59). Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Pangeran Paita Yunus. (t. thn.). *Makna Simbol Bentuk dan Seni Hias Pada Rumah Bugis Sulawesi Selatan*. Universitas Negeri Makassar Jalan Traktor IV No. 31 Komplek PU Malengkeri Parangtambung Makassar.
<https://mail.malpdf.com/dokumen/88d16a/makna-simbol-bentuk-dan-seni-hias-pada-rumah-bugis-sulawesi->
- Polit, D.F. and Beck, C.T. (2004). *Nursing Research: Principles and Methods*. 7th Edition, Lippincott Williams & Wilkins, Philadelphia.
- Portal Rasmi Kerajaan Negeri Sembilan. (2021). *Negeri Sembilan*. Dicapai pada 9 Mei 2021.
<https://www.ns.gov.my/kerajaan/info-negeri/pengenalan>.
- Rahimin Affandi Abd Rahim, Ruzman Md. Nor, Nor Hayati Md Dahlal & Norafifah Abd Hamid. (2013). Islam dan Kearifan Tempatan di Alam Melayu: Analisis Kritikal. *Jurnal Jati*, 18(1), 233-245.
- Rahimin Affandi Abd. Rahim, Awang Azman bin Awang Pawi, Ahmad Farid Abd Jalal, Mohd Puaad Bin Abdul Malik. (2019). Kitab Jawi Sebagai Karya Kearifan Tempatan Melayu: Analisis Sejarah Intelektual. *Al-Banjari*, 18(1), (Januari-Juni 2019), hlm. 49-84. ISSN (Print) 1412-9507 ISSN (Online) 2527-6778 DOI: 10.18592/al-banjari.v18i1.2528.
- Raja Ali Haji. (1932/1965). *Tuhfat al-Nafis*. Naskhah Rumi oleh Munir bin Ali. Singapura: Malayan Publication Ltd.
- Raja Nafida Raja Shahminan (2007). *Rumah Tradisional Luak Tanah Mengandung: Kajian Inventori Rumah Bumbung Panjang*. Negeri Sembilan: Lembaga Muzium Negeri Sembilan.
- Raja Nafida Raja Shahminan. (2007). Senibina Rumah Bumbung Panjang Negeri Sembilan. *Adat Perpatih - Esei Pilihan*, 191-197.
- Rashid, Mohd Sabrizaa B Abd. Evolusi Bentuk dan Makna pada Ragam Hias dalam Seni Bina Tradisional Melayu. Centre for Knowledge & Understanding of Tropical Architecture & Interior (KUTAI). UiTM Perak, Kampus Seri Iskandar, Perak Darul Ridzuan.

- Sinar Harian*. (13 Mac 2021). Rumah tradisional usia ratusan tahun tarikan di Terengganu. <https://www.sinarharian.com.my/article/128225/EDISI/Rumah-tradisional-usia-ratusan-tahun-tarikan-di-Terengganu>.
- Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif dan Kamarul Afizi bin Kosman. (2020). Pengaruh Adat Perpatih Terhadap Konsep Ruang Serambi Rumah Tradisional Melayu di Negeri Sembilan. *Journal Online Jaringan COT POLIPD (JOJAPS)*, No. 18, 88-93. http://www.geocities.ws/apacc/paper11_sitifatimah_vol18_renewed.pdf/
- Siti Fatimah Tuzzahrah Abd Latif dan Kamarul Afizi Kosman. (2017). The Serambi of Negeri Sembilan Traditional Malay House As A Multifungsional Space – Role In Custom (Adat). Serambi Rumah Tradisional Melayu Negeri Sembilan Sebagai Ruang Multifungsi - Peranan Dalam Adat.
- Siti Haliza Yusop. (29 Januari 2017). Keunikan Tiang Gantung Tak Jejak Bumi. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2017/01/241148/keunikan-tiang-gantung-tak-jejak-bumi>.
- Siti Norlizaiha Harun & Azira Ibrahim. (2011). Struktur Ruang dan Elemen Persekitaran Rumah Melayu Tradisi di Kelantan (Kelantan's Malay Traditional House on Space Structures and Surrounding Elements). *Jurnal Perspektif*, 3(2), pp. 12-26.
- Siti Norlizaiha Harun. (2005). Perkembangan sejarah dan pengaruh ke atas seni bina di Malaysia: Sebuah tinjauan ringkas. Buletin Perancang. JPBD: UiTM Perak.
- Muhammad, Kamariah Binti Kamarudin. (2017). Tradisi Vernakular Seni Bina Melayu Tradisional Dalam Teks Historiografi Melayu. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2017 pada 10-12 Oktober 2017 bertempat di Auditorium, Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Solahuddin bin Abdul Hamid. (2016). Islam Dalam Pembentukan Pandangan Semesta Masyarakat Melayu. *Jurnal Seri Alam* (2016). Bil 1/2005 (12) pp. 143-150.
- Syed Husin Ali. (2008). *The Malays: Their Problem and Future*. Kuala Lumpur: Others Press.

- Syed Muhammad Naquib Al-Attas. (1972). *Islam Dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Vincent Tan. (2019). Usaha pulihara rumah tradisional M'sia, keunikan seni bina. 29/10/2019, Update: 30/10/2019.
- Wan Hashim, Abdul Halim Nasir. (2014). *The Traditional Malay House*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2012). "al-Attas: Ilmuwan Penyambung Tradisi." In *Adab Dan Peradaban: Karya Pengiktirafan Untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas*, edited by Mohd Zaidi Ismail and Wan Suhaimi Wan Abdullah, 1–60. Kuala Lumpur: MPH Group Publishing.
- Wan Ramli Wan Daud. (1993). Sejarah teknologi pada zaman Islam, *Sari*, 11, 127-168.
- Wan Zailani. (9 Februari 2021). Kenali Rumah Tradisional Melayu Di Semenanjung Malaysia. <https://toponeproperty.my/2021/02/09/kenali-rumah-tradisional-melayu-di-semenanjung-malaysia/>.
- Wienty Triyuly, Sri Desfita Yona, Ade Tria Juliandini. (2013). Identifikasi Rumah Tradisional di Lorong Firma Kawasan 3-4 Ulu, Palembang. *Temu Ilmiah IPLBI 2013*, Prosiding Temu Ilmiah IPLBI 2013, 51-56.
- Yaakub Idrus. (1966). *Bandingan Aspek Seni Bina Antara Rumah Melayu (Riau Dan Semenanjung) Dengan Rumah Minangkabau (Sumatera)*.pdf.
- Yaakub Idrus. (1996). *Rumah Tradisional Negeri Sembilan: Satu Analisis Seni Bina Melayu*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, Hanapi Dollah, Ab Samad Kechot. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu (National Heritage Act, 2005: A Review). *Jurnal Melayu* (8) 2011: 173 – 188.
- Yuszaidy Mohd Yusoff, and Hanapi Dollah, and Ab. Samad Kechot, and Mohamed Anwar Omar Din, (2010) *Pembangunan Warisan di Malaysia: tinjauan umum tentang dasar*. *Jurnal Melayu*, 5. pp. 277-283. ISSN 1675-7513.
- Zainal Abidin Borhan. (2000). "Pantun Dan Peribahasa Melayu: Persoalan Jati Diri dan Patriotisme," dalam Abdul Latiff Bakar

(ed.). (2000). *Globalisme Dan Patriotisme Dalam Sastera Melayu*. Kuala Lumpur: APMUM, 45–58.

Zainal Kling. (2000). *Kekerabatan Melayu: Islam dalam Kehidupan Sosio Budaya*. Dlm A. Aziz dan Mohd Taib Osman (ed). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Hlm. 221.

Zulkifli Hanafi, Ahmad Zakiulfuad Yahaya. (2005). *Seni Bina Melayu*. Kulim Kedah: Amber-Solara Publication.

Zulkifli Hanafi. (1996). *Pembinaan Bangunan Tradisional Melayu*. Kulim: Amber-Solara Press.

Temuramah

Noor Hayati Ismail. (Mei 15, 2021). Falsafah Warisan Pembinaan Rumah Tradisional Masyarakat Melayu Negeri Sembilan: Tradisi dan Cabaran Kesenambungan, Melalui MS Team. [Interview].

Mastor Surat. (Mei 10 dan 18, 2021). Falsafah Warisan Pembinaan Rumah Tradisional Masyarakat Melayu Negeri Sembilan: Tradisi dan Cabaran Kesenambungan. Melalui MS Team. [Interview].